

#REFORMASI

98

KATA-KATA

**ENR** UNTUK ANWAR

**PERDANA MENTERI-X**

EDY NOOR REDUAN



# Thank You!



SAYA rakamkan penghargaan dan terima kasih di atas pembelian "98 Kata-Kata ENR Untuk Anwar Perdana Menteri-X".. Pembelian ini cukup bermakna untuk saya terus menafaskan penulisan menggarap artikel dalam isu semasa InsyaAllah..

Mohon juga jasa baik saudara saudari sama-sama berkongsi hantaran di media sosial tetang mahakarya ini seperti di Facebook, IG, Twitter dan sebagainya sebagai tanda sokongan sahabat pembeli..

Semoga bantuan promosi saudara dan saudari secara tidak langsung mampu menambah keaguman dan tahanan rasa rakyat Malaysia terhadap PM-X kita..

Follow Like & Share

 : Edy Noor Reduan  : \_cekyd  :@edyesdotcom

 : AnwarPMrakyat  : edyesdotcom



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

18/2/2023  
Lib  
RM49.00




PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

#280614

18/5/2002  
LJ  
00.11.10

808,882  
ENK



# PRAKATA

Setinggi-tinggi syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, 98 Kata-Kata ENR Untuk Anwar Perdana Menteri-X telah berjaya dihasilkan, menghimpun segala menifestasi seorang penulis sejak lebih sedekad yang lalu yang mengimpikan tanahair ini dipimpin oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Bukan sekadar buku, ia sebuah mahakarya bersifat memorial sempena penobatan PM-X dari perspektif penulis. Ia juga cenderamata buat semua yang mengenali ENR selaku penulis yang lazim menaruh harapan betapa negara ini perlu dikemudi oleh seorang tokoh sehebat Anwar Ibrahim.

Buku yang berbentuk album bergambar ini menampilkan petikan dari semua penulisan yang pernah disiarkan dalam media sosial termasuklah yang dipaparkan dalam portal berita seperti Sinar Harian, Malaysiakini dan Malaysian Insight. Semua petikan dan tulisan yang disusun mengikut tarikh penyiaran, adalah berkisarkan rentetan perjalanan Datuk Seri Anwar Ibrahim dari seorang banduan kepada seorang Perdana Menteri yang selama ini kita nantikan.

Alhamdulillah, cita-cita dan keinginan untuk menerbitkan buku di atas penulisan sendiri akhirnya menjadi kenyataan. Buku ini adalah terbitan yang ketiga yang mana dua buku sebelumnya adalah tulisan bersama.

Dirakamkan juga ucapan jutaan terima kasih buat keluarga dan semua sahabat yang sentiasa menyokong usaha menulis yang tidak pernah luntur. Tanpa sokongan anda, penulis tidak akan bercambah dari satu artikel kepada artikel yang seterusnya.

EDY NOOR REDUAN (ENR)



## **Penulis Dan Penerbit**

Edy Noor Reduan

No Tel : 011 1868 5019

Email : edynoor2022@gmail.com

Fb : [www.facebook.com/edynoor.samm](http://www.facebook.com/edynoor.samm)

## **Editor**

Muhammad Embok Dalek

No Tel : 012 744 3769

Email : [mamated88@gmail.com](mailto:mamated88@gmail.com)

Fb : [www.facebook.com/mamated](http://www.facebook.com/mamated)

**EDISI CETAKAN PERTAMA  
DISEMBER 2022**

#REFORMASI



# 98

PUSTAKA PERDANA



1013269

**KATA-KATA**  
**ENR** UNTUK ANWAR

# PERDANA MENTERI-X

EDY NOOR REDUAN

# KATA PENGANTAR

Bismillahirrahmanirahim.


PENOBATAN Anwar Ibrahim menjadi Perdana Menteri kesepuluh 25 November 2022 lalu disambut meriah penuh syukur oleh setiap orang yang mendambakan akan keberadaan beliau di kerusi nombor satu negara itu.

Berbagai-bagai cara dijelmakan sebagai apresiasi atas kejayaan bersama itu. Salah seorang daripadanya ialah blogger sdr. Edy Noor Reduan (ENR) yang telah muncul dengan karya buku ketiganya berjudul “98 Kata-Kata ENR Untuk Anwar Perdana Menteri-X.”

Saya kira buku berbentuk album atau “caption story” ini adalah buku pertama “sebagai kalungan bunga manggar” menyambut kejayaan Anwar itu. Buku ini berupa himpunan catatan terhadap pesan-pesan azimat perjuangan diluahkan Anwar Ibrahim dikumpul bersama gambar-gambar bersejarah berkaitan perjuangannya dan reformasi.

Syabas diucapkan atas penerbitan buku ini. Tentu tanpa kerajinan dan prihatin buku ini bukan senang terbit. Tanpa ada kerajinan, semangat dan komitmen tinggi kepada sebuah perjuangan, buku seumpama ini tidak mudah untuk dilahirkan. Meskipun ia nampak simple, sebuah buku sekadar menghimpunkan gambar-gambar dan menyusun kata-kata tetapi tidak akan lahir jika tidak idea dan keterampilan menerbitkannya.

Kerajinan dan penglibatan ENR dalam perjuangan reformasi membela dan membawa Keadilan demi rakyat bersama Bapak Reformis menjadi aspirasi penulisan dan penerbitan buku ini dalam masa relatif singkat.



Diharap buku ini akan menjadi dokumen sejarah yang penting secara tidak langsung menambah khazanah pekitaban negara yang seperti mengalami kesurupan ekoran ledakan era teknologi maklumat. Mungkin ketika ini ia hanya sebuah dokumen biasa sahaja, tetapi untuk masa akan datang, 20 atau 30 atau 50 tahun akan datang ia jadi bahan penting yang sangat diperlukan oleh calon-calon sarjana kita dalam bidang sains politik dan sosial.

Cerita-cerita lisan atau “bari” tentang sebuah perjuangan walaupun mempunyai estetika tersendiri namun nilainya tidak setinggi dan akurat dokumen yang ditulis sendiri oleh penulis yang berada disesuatu era itu.

Walaupun hari ini semua bahan dan peristiwa politik tanah air sudah berada dalam “bank maklumat” dalam pelbagai platform, yang boleh diakses dengan pelbagai aplikasi, tetapi beradaan sebuah buku, bahan bercetak mempunyai nilai tersendiri yang unik. Bagi mereka yang suka memegang material tidak akan merasa puas dengan membaca atau membelek “bank maklumat” di skrin laptop atau gadjet.

Mudah-mudahan buku sdr ENR akan memberi manfaat kepada generasi akan datang yang mahu melihat dan baca setiap peristiwa politik tanah air dan perjuangan sosok bernama Anwar Ibrahim dari dekat atau disentuh sendiri peribadi yang berada dalam medan perjuangan bersamanya.

Dalam tempoh 24 tahun Anwar Ibrahim berjuang tentu banyak fakta dan peristiwa sejarah tentangnya yang tidak mungkin dikumpulkan semua, tetapi setidak-tidaknya sebahagian dari peristiwa dan moment penting itu ada dalam buku ini.

Wassalam.

MOHD SAYUTI OMAR (MSO)

Wangsa Melawati

Kuala Lumpur.

12 Disember 2022





PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

“ Dia pilih penjara, malah hingga hari ini dia masih ‘*on the way*’ ke penjara. Reformasi 98 yang dicetuskan, membawa kepada kekuatan pada 1999. Setelah keluar penjara, dia kembali terajui kemenangan 2008. ”

(Petikan “*Jika Benci Sekalipun, Jangan Lupa Insan Ini Pilih Untuk LAWAN*”  
Edy Noor Reduan - 14 Ogos 2014







**“ Berapa orang EXCO dari pembangkang, berapa orang Ahli Majlis, berapa lantikan politik di GLC Negeri, berapa orang MB dan YAB yang diwujudkan dari kalangan pembangkang dengan kemunculan seorang Anwar. ”**

*(Petikan “Jika Benci Sekalipun, Jangan Lupa Insan Ini Pilih Untuk LAWAN”) Edy Noor Reduan - 14 Ogos 2014*



**“ Walau macam mana benci sekalipun, janganlah sesekali lupa insan ini pernah memilih untuk LAWAN. ”**

*(Petikan “Jika Benci Sekalipun, Jangan Lupa Insan Ini Pilih Untuk LAWAN”) Edy Noor Reduan - 14 Ogos 2014*

**“ Jujurnya, pemenjaraan Anwar tanpa kebangkitan adalah kemenangan besar buat gerombolan. Apakah kegagalan kita menumbangkan regim zalim ini harus dibayar oleh Anwar dengan sebuah harga sisa - sisa terakhir kehidupannya? ”**

**“ Perlawanan kita dari dulu dan selepas ini bukan demi menobatkan seseorang, bukan demi sosok pemimpin tertentu, tapi demi rakyat dan menyelamatkan tanah air dari genggaman regim zalim. ”**

*(Petikan “Anwar Bayar Kegagalan Kita, 5 Tahun Ansuran di Penjara”  
Edy Noor Reduan - 10 Februari 2015*





**“ Ada bezanya, gerakan anak-anak muda dan aktivis untuk menumbangkan regim tidak boleh disamakan dengan usaha memenangkan Pakatan Rakyat. Hanya secara tidak langsung ia selari. ”**

*(Petikan “Demo Anwar Hambar Bukan Pengakhiran” Disiarkan oleh Malaysiakini) Edy Noor Reduan - 15 Febuari 2015*

**“ Kita lawan sistem dan keputusan penghakiman yang berat sebelah selain polisi kerajaan yang menindas rakyat, manakala Anwar menjadi salah satu subjeknya iaitu dizalimi. ”**

**“ Harus diingat, bukan Anwar seorang sahaja yang dizalimi. Anda semua turut dizalimi, hanya sedar atau tidak sedar yang membezakan fikrah. Atau mungkin saja sedar dalam kepasrahan. ”**

*(Petikan “Demo Anwar Hambar Bukan Pengakhiran” Disiarkan oleh Malaysiakini) Edy Noor Reduan - 15 Februari 2015*

**“Jika turun demonstrasi dengan harapan tidak mahu berakhir di kedai kopi, boleh sahaja berakhir di lokap jika kamu mahu.”**

**“Namun hari ini anak muda sedang bergelut menyalakan api perlawanan ketika rakyat letih diharuk pelbagai hala oleh regim. Masing-masing memikirkan survival, sedangkan kunci kebahagiaan terletak di tangan regim.”**

*(Petikan “Demo Anwar Hambar Bukan Pengakhiran” Disiarkan oleh Malaysiakini) Edy Noor Reduan - 15 Febuari 2015*







“ Saya bangga  
menjadi sebahagian  
rakyat  
Malaysia yang  
terus bersabar.  
Bersabar itu  
bukan bermaksud  
dungu, ia lebih  
dari itu. ”

*(Petikan “Jangan Persoal Keikhlasan Penderma”  
Disiarkan oleh Malaysiakini)  
Edy Noor Reduan - 4 Ogos 2015*

“ Mesej Anwar dari Penjara juga jangan sesekali dipandang enteng. Gerakan ‘Selamatkan Malaysia’ melalui Deklarasi Mahathir kini telah semakin lemau, ini sudah dibaca lebih awal oleh Anwar Ibrahim.

Anwar turut mempersoal di mana tuntutan ‘*institutional reform*’ dalam deklarasi selamatkan Malaysia, kerana apa yang dilihat hanyalah obses kuasa semata-mata. ”

“ Sebenarnya yang tidak mahu Anwar keluar penjara ini, Mahathir atau Azmin? ”


Edy Noor Reduan - 18 April 2016

Setiap perjuangan selalu melahirkan  
Sesungguhnya pengkhianat dan para penjilat  
Jangan kau gusar, saudara ku.

Setiap perjuangan selalu menghadapi kita  
Pada kaum yang bingung menghadapi gelombang  
Jangan kau keciwa, saudara ku.

Setiap perjuangan yang akan menang  
Selalu mendatangkan pahlawan jadi-jadian  
Dan para jagoan keasiangan  
Memang tamikan halnya, saudara ku.

Kepada Allah swt dipohon ketekatan dan restu  
Semua perjuangan diberkati. Amin.

  
Anwar Ibrahim

السنة الأولى والثانية

keanade rakan-rakan Permatang Pauh,

- dengan iringan doa agar usaha kita  
bersama diberkati Allah SWT.

Saya amat bersyukur dukungan dan doa  
selama ini. Insya Allah saya akan terus  
bersabar dan perkuat telead berjaya.

Negara ini bergelut dengan pelbagai  
tidakkan kezaliman dan mendera rakyat  
dengan beban cukai termasuk GST.

Sekali lagi: saya motion solengkan sdr-  
sdr menitik Dr Wan Azizah Ismail  
menawakali keadilan dan pakatan  
Rakyat untuk meneruskan perjuangan  
menegak keadilan dan memulakan  
asis rakyat.

Anwar Ibrahim

Di Mahkamah Syariah  
Lumut Lumpur.

27 April 2015

#REFORMASI



Harga : RM49.00